

Negeri



DR. SITI HASMAH meninggalkan dewan selepas merasmikan Kursus BAKTI 1996 di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar di Kuala Lumpur, semalam.

Hasmah tegur isteri pemimpin

KUALA LUMPUR 11 Mac — Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali menegur isteri-isteri pemimpin yang menganggap kursus-kursus bina diri yang dianjurkan oleh Badan Amal dan Kebajikan Isteri-Isteri Menteri (BAKTI) sebagai tidak perlu.

"Mereka yang beranggapan kursus ini tidak perlu sebenarnya mempunyai pemikiran yang angkuh dan amat cetek.

"Sebagai isteri pemimpin politik, dunia kita amat luas, pergerakan dan penyesuaian diri dalam masyarakat sememangnya diperlukan pada setiap peringkat," katanya.

Isteri Perdana Menteri yang juga Yang Dipertua BAKTI berkata demikian semasa merasmikan Kur-

sus BAKTI 1996 yang disertai oleh 32 orang ahlinya.

Sebahagian besar daripada peserta itu merupakan ahli baru BAKTI yang juga isteri-isteri kepada para pemimpin Kerajaan Pusat.

Menurut Dr. Siti Hasmah, kebanyakan mereka yang menganggap kursus BAKTI tidak perlu adalah yang berpelajaran tinggi.

Sebenarnya, kata beliau, ada di antara isteri para pemimpin merasa tidak berupaya mengikuti kursus yang dianjurkan kerana tidak yakin dengan kemampuan yang ada pada diri masing-masing.

Beliau menegaskan, sikap tidak yakin pada diri sendiri mestilah dikikis dan mereka hendaklah bersikap positif bagi menjayakan seti-

ap kursus yang dianjurkan dan meringankan setiap masalah yang ada.

"Melalui kursus-kursus yang dianjurkan oleh BAKTI semangat ahli-ahli secara tidak langsung dapat disemai dan dipertingkatkan.

"Oleh itu sebagai isteri wakil rakyat tugas sebagai pembimbing kaum wanita di kawasan suami masing-masing akan dapat direalisasikan melalui kepimpinan dan keyakinan yang digembling bersama," ujarnya.

Beliau juga menggesa isteri-isteri pemimpin politik melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan, di samping mempertingkatkan penguasaan bahasa asing.